



ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU DALAM
TEKS MODEN TINGKATAN
EMPAT DAN LIMA



ELAVARASSAN A/L M.SUPPIAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



**ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU DALAM
TEKS MODEN TINGKATAN EMPAT DAN LIMA**

ELAVARASSAN A/L M SUPPIAH

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹¹.....(hari bulan).....¹⁰..... (bulan) 20²².....

i. Perakuan pelajar :

Saya, ELAVARASSAN A/L M SUPPIAH (M20192001053) FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU DALAM TEKS MODEN TINGKATAN EMPAT DAN LIMA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, NORDIANA BT HAMZAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU
DALAM TEKS MODEN TINGKATAN EMPAT DAN LIMA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah ELAVARASSAN A/L M SUPPIAH (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

17/10/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. NORDIANA BT HAMZAH
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Komunikasi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN
MELAYU DALAM TEKS MODEN TINGKATAN EMPAT
DAN LIMA

No. Matrik / Matric's No.: M201012001053

Saya / I: ELAVARASSAN A/L M. SUPPIAH
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 17/10/2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. NORDIANA BT HAMZAH
Pensyarah Kanan
Bahasa dan Komunikasi

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah dan kurniaNya akhirnya projek ini dapat disempurnakan. Dengan penuh rasa rendah diri, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Nordiana binti Hamzah selaku penyelia projek yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sepanjang penyelenggaraan projek ini. Kesabaran dan dedikasi beliau membantu sepanjang saya melaksanakan tugas ini sangatlah saya hargai, semoga Tuhan membalas segala jasa baik beliau seisi keluarga. Penghargaan dan ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada pihak Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM kerana membantu dalam pencarian bahan maklumat tesis secara dalam kajian dalam keadaan sukar mencari bahan semasa waktu pandemik COVID-19. Akhir sekali penyempurnaan projek ini dapat menjadi kenyataan kerana inspirasi, dorongan, dan sokongan yang berterusan daripada keluarga saya terutama ayahanda dan bonda yang amat dikasihi yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Kepada mereka, saya mengabadikan projek ini. Terima kasih.





ABSTRAK

Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu menekankan aspek-aspek seperti menjana minda, rohani, dan emosi selaras dengan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan pelajar yang berholistik. Hasil daripada penelitian terdapat kelompongan dalam kajian literatur mengenai aspek atau konsep Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Oleh itu, suatu kajian mengenal pasti elemen FPKM serta menganalisis kerelevanan teks moden dengan elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi dalam teks moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima dijalankan menggunakan Teori Pemikiran Bersepadu SPB4K dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman. Tiga objektif kajian secara asasnya dapat mengenal pasti elemen FPKM menjana minda, dan rohani dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima. Seterusnya, mengenal pasti elemen FPKM emosi dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima serta menganalisis kerelevanan teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima dengan elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi. Kaedah kualitatif digunakan iaitu mengkaji teks-teks cerpen dan drama Kesusasteraan Melayu Komunikatif dengan mengaplikasikan kedua-dua teori tersebut. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan kaedah analisis teks untuk menganalisis data. Sebanyak sepuluh buah teks cerpen dan dua buah teks drama digunakan sebagai bahan sampel kajian. Dapatan kajian menunjukkan elemen emosi banyak diterapkan dalam teks moden mata pelajaran KMK. Hal ini jelas menunjukkan kehadiran elemen ini sebagai elemen yang dominan berbanding dengan elemen-elemen yang lain seperti yang terkandung dalam pernyataan FPKM. Cadangan kajian yang diberikan juga dapat membantu pihak yang terlibat dalam penyediaan teks bagi mempertingkatkan dan mempelbagaikan lagi aspek FPKM pada masa akan datang.





ELEMENTS OF NATIONAL EDUCATION PHILOSOPHY IN MODERN MALAY LITERATURE TEXT FORM FOUR AND FIVE

ABSTRACT

Malay Literature Education Philosophy emphasizes aspects such as generating the mind, spirit, and emotions in line with the principles of the National Philosophy of Education which seeks to produce holistic students. As a result of the research, there are gaps in the literature review on aspects or concepts of the Philosophy of Malay Literature Education. Therefore, a study to identify FPKM elements as well as analyze the relevance of modern text with FPKM elements to generate mind, spirit, and emotion in modern text of Form Four and Five Communicative Malay Literature was conducted using SPB4K Integrated Thinking Theory and Goleman Emotional Intelligence Theory. The three objectives of the study were basically to identify the mind -generating, and spiritual FPKM elements in the modern text of the Form Four and Five Communicative Malay Literature subjects. Next, identify the emotional FPKM elements in the modern text of Form Four and Five Communicative Malay Literature subjects and analyze the relevance of the modern text of Form Four and Five Communicative Malay Literature subjects with the FPKM elements generating mind, spirit, and emotions. Qualitative methods are used to study the texts of short stories and dramas of Communicative Malay Literature by applying both theories. Library methods were used to obtain information and text analysis methods to analyze the data. A total of ten short story texts and two drama texts were used as the study sample material. The findings of the study show that many emotional elements are applied in the modern text of KMK subjects. This clearly indicates the presence of this element as a dominant element compared to other elements as contained in the FPKM statement. The research proposal given can also help the parties involved in the preparation of the text to enhance and diversify the aspects of FPKM in the future.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kerangka Teoritikal	15
1.7 Skop Kajian	23
1.8 Kepentingan Kajian	25
1.9 Definisi Operasional	28
1.9.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan	28
1.9.2 Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu	30



1.9.3	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	31
1.9.4	Cerpen	32
1.9.5	Drama	34
1.10	Rumusan	36

BAB 2SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	37
2.2	Kajian Literatur Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	38
2.3	Kajian Literatur Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM)	47
2.4	Kajian Literatur Genre Cerpen	73
2.5	Kajian Literatur Genre Drama	83
2.6	Kajian Literatur Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K	91
2.7	Kajian Literatur Teori Kecerdasan Emosi (EI)	99
2.8	Rumusan	108

BAB 3METODOLOGI

3.1	Pengenalan	110
3.2	Pendekatan Kualitatif	111
3.3	Data Kajian	115
3.4	Kerangka Teoritikai Teori Pemikiran Bersepadu SPB4K	125
3.5	Kerangka Teoritikai Kecerdasan Emosi	135
3.6	Pendekatan Ekeletik: Penggabungan dua Teori	142
3.7	Teknik Penganalisan Data	148
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Dapatan Kajian	153
3.9	Etika Penyelidik	156
3.10	Rumusan	159

BAB 4DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	160
4.2	Elemen Menjana Minda	161
4.3	Elemen Rohani	184
4.4	Elemen Emosi	196
4.5	Rumusan	220

BAB 5KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	221
5.2	Rumusan	222
5.3	Implikasi Kajian	232
5.4	Cadangan Kajian	234
5.5	Kesimpulan	236

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Senarai Tajuk Cerpen	118
3.2	Senarai Tajuk Drama	120
3.3	Teori SPB4K dan Hubungkaitnya dengan Instrinsik dan Ekstrinsik, (Mohd Yusof Hasan, 2007)	126
3.4	Langkah-langkah Menganalisis Data	149
4.1	Kewujudan Elemen Menjana Minda dalam Cerpen-cerpen dan Drama Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif	163
4.2	Kewujudan Elemen Rohani dalam Cerpen-cerpen dan Drama Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif	185
4.3	Kewujudan Elemen Emosi dalam Cerpen-cerpen dan Drama Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif	1797





SENARAI RAJAH

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kerangka Teoritikal Teori Pemikiran Bersepadu SPB4K	16
1.2	Kerangka Teoritikal Teori Kecerdasan Emosi Goleman	20
3.1	Reka Bentuk Kajian	115
3.2	Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan, 2007)	126
3.3	Kerangka Model Pemikiran Kebitaraan Dalam Teori SPB4K	130
3.4	Hubungan antara Hoki (otak kiri) dengan Pemikiran Kesaintifikan (Mohd Yusof Hasan, 2007)	131
3.5	Logik : Induksi dan Deduksi (Mohd Yusof Hasan, 2007)	132
3.6	Ciri-ciri Pemikiran Kekreatifan (Mohd Yusof Hasan, 2007)	133
3.7	Hubungan antara Hoka dan Pemikiran Kekreatifan (Mohd Yusof Hasan, 2007)	134
3.8	Kerangka Model Pembinaan Pemikiran Kekreatifan Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan, 2007)	134
3.9	Model Kecerdasan Emosi Goleman 1999 (Goleman, 2012)	136
3.10	Gabungan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman	142
3.11	Lima Teknik Penganalisan Data (Udo Kuckartz, 2019)	149



SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPKM	Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek
KBAT	Kemahiran Berfikir Secara Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif
KEMDIKBUD	Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia
KMK	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MKE	Model Kecerdasan Emosi

BAB 1

PENDAHULUAN

Dalam inisiatif menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berilmu, inovatif dan kreatif, sistem pendidikan negara sering kali dirombak untuk memastikan taraf kualiti pendidikan negara berada dalam tahap yang lebih optimum. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merupakan satu pelan transformasi pendidikan bagi menghadapi cabaran pada abad ke-21 (Anida Sarudin, 2020; KPM, 2018). Menurut kajian Alias Azhar (2017), bagi menghadapi cabaran globalisasi, rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan serta latihan yang kukuh untuk melahirkan warganegara yang seimbang dari segi elemen jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam sistem pendidikan telah membawa pada transformasi yang besar dalam kurikulum pendidikan kebangsaan. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) suatu perubahan pada sistem pendidikan terkini perlu dilakukan bagi mencapai kehendak dan tuntutan asal FPK. Dalam setiap mata pelajaran terdapat penerapan elemen FPK dan tidak ketinggalan juga dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif turut mengalami transformasi. Menurut Arfah Ahamad (2018), Pendidikan Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) di Malaysia bermula sejak pendudukan Inggeris di Tanah Melayu.

Mata pelajaran KMK hanya berstatus sebagai mata pelajaran elektif di sekolah. Status ini memberi gambaran kepada umum bahawa mata pelajaran KMK ini boleh diambil atau tidak diambil kerana bersifat elektif, malah dianggap sebagai mata pelajaran kelas kedua ataupun kelas ketiga (Azhar Wahid, 2017). Status demikian memberi andaian kepada umum bahawa KMK ini tidak dititikberatkan dalam membangunkan modal insan yang seimbang sebagai warganegara yang cintakan budaya bangsa negara.

Pengenalan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM) yang telah digubal sangat menekankan pembinaan modal insan yang berteraskan kepada menjana minda, rohani, emosi dan jasmani. Pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif di sekolah adalah untuk melengkapkan murid-murid dengan ilmu sastera selain memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan Kesusasteraan Melayu dalam pendidikan, seterusnya membina kerjaya ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat. Menurut kajian Siti

Khariah Mohd Zubir (2016), teks kesusasteraan yang dipilih haruslah berkualiti dan sesuai dari sudut pembelajaran dan pengajaran murid-murid di dalam kelas. Selaras dengan elemen asas FPKM, teks- teks ini seharusnya menarik dari segi peristiwa, tema, persoalan dan isu, elemen alam sekitar, masalah sosial, perkembangan sains dan teknologi, dunia kewangan dan ekonomi.

Sehubungan dengan itu, teks-teks ini akan dianalisis mengikut elemen apresiasi sastra, pembangunan insan dan penghasilan karya sebagaimana yang terdapat pada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). DSKP digubal pada tahun 2018 untuk menggantikan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu (2003) yang sedia ada yang digunakan. Penggubalan semula (DSKP) ini mengambil kira perubahan yang hendak dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap sistem peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang sedia ada.

Penggubalan semula Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) ini merupakan proses pengemaskinian tajuk, kandungan, dan kemahiran supaya selaras dengan perkembangan semasa. Oleh itu, suatu kajian dijalankan ke atas Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam teks Kesusasteraan Melayu yang diguna pakai oleh murid-murid Tingkatan Empat dan Lima. Penelitian dan penghuraian terhadap tiga elemen asas FPKM merangkumi elemen menjana minda, rohani, dan emosi dilaksanakan sebagai asas deduksi penyelidikan ini mengguna pakai Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K dan Teori Kecerdasan Emosi oleh Goleman.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018) menjelaskan Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM) di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Reformasi yang rancak dapat dirasai dalam mata pelajaran KMK sejak wujudnya pernyataan FPKM kerana sukatan mata pelajaran baharu yang dirangka mempunyai panduan yang terarah dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang seperti mana yang terkandung dalam FPK. Secara amnya, terdapat enam elemen asas dalam FPKM iaitu elemen menjana minda, rohani, emosi, jati diri, kebudayaan kebangsaan dan insan bestari. Sejajar dengan pernyataan FPKM yang masih baru lagi diperkenalkan, belum ada lagi kajian yang khusus mengenai pernyataan FPKM secara jelas dan terperinci.

Kajian-kajian mengenai Falsafah Pendidikan Negara khususnya Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu amatlah kurang namun usaha beberapa penyelidik yang membuat kajian mengenai FPKM dipuji kerana membantu mendedahkan kelompongan yang sedia ada untuk dikaji. Muhammad Zarif Hassan (2013) telah menjalankan suatu kajian khusus mengenai pernyataan FPKM yang bertajuk “Kewujudan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam Novel Kesusasteraan Melayu Tingkatan Empat dan Lima”. Dalam kajian ini, genre novel Kesusasteraan Melayu telah diberi penekanan dan huraian yang jelas, Manakala kajian yang dijalankan pula memberi fokus kepada genre cerpen dan drama Kesusasteraan Melayu.



Komunikatif. Kajian ini menggunakan pendekatan formalistik manakala kajian yang dijalankan ini akan mengguna pakai Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K dan Teori Kecerdasan Emosi. Persamaan kajian pula ialah tiga elemen FPKM dikaji iaitu elemen menjana minda, rohani dan emosi. Harapannya, kajian ini akan menjadi perintis untuk mentafsir dan menghurai pernyataan FPKM secara menyeluruh terutamanya bagi genre cerpen dan drama teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif.

Memandangkan pernyataan FPKM merupakan salah satu dasar pendidikan yang baharu, ini telah membuka ruang pembahasan yang luas. Elemen menjana minda, rohani, dan emosi FPKM sangat penting dalam kurikulum kerana elemen-elemen ini memainkan peranan penting dalam pembentukan warganegara Malaysia sebagai sebuah negara maju. Penerapan nilai-nilai murni secara langsung adalah melalui pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran. Muhammad Zarif Hassan (2013), menjelaskan FPKM merujuk kepada pernyataan Falsafah yang dibentuk untuk meningkatkan kualiti mata pelajaran KMK. Murid-murid yang mengambil mata pelajaran KMK akan mempunyai ilmu sastera agar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan sastera Melayu dalam bidang pendidikan dan kerjaya ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat.

Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah kali terakhir digubal pada tahun 2003. Sukatan pelajaran ini memerlukan penyemakan semula supaya selaras dengan matlamat dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (Muhammad Zarif Hassan, 2013). Oleh itu, Sukatan Pelajaran Kesusasteraan



Melayu Sekolah Menengah disemak semula dan dirangka terkini pada tahun 2018 dengan menukar nama kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan disertakan beberapa elemen baharu sebagai pembaharuan.

Kesusasteraan Melayu dalam konteks pendidikan ialah karya asal yang tertulis dalam bahasa Melayu berunsurkan keindahan dan kehalusan, sama ada berbentuk drama, cerpen, sajak, prosa tradisional atau puisi tradisional bagi mengimbangi perkembangan intelek, rohani, emosi, dan jasmani di samping memaparkan nilai kemanusiaan, dan citra masyarakat. Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM) di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Kandungan KSSM KMK yang baharu terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Apresiasi Sastera, Pembangunan Insan dan Pengkaryaan. Ketiga-tiga bahagian ini merupakan satu pendekatan baharu yang diperkenalkan dalam KMK yang perlu dikuasai oleh murid menengah atas iaitu Tingkatan Empat dan Lima (KPM, 2018). Melalui kajian teks, elemen-elemen penulisan yang berkesan dapat dipelajari oleh murid melalui elemen sastera dan ini membantu mereka untuk menghasilkan karya kreatif dengan baik. Kajian Cynthia Layah Geraman (2019) menjelaskan Pendidikan

Kesusasteraan Melayu merupakan bidang tugas amali yang kompleks dan multi- disiplin sifatnya. Penghayatan kesusasteraan penting kerana karya sastera boleh dijadikan wadah untuk pembangunan diri manusia seperti pembangunan daya intelek, perasaan peka terhadap masyarakat dan rasa keagamaan. Penghayatan



kesusasteraan juga penting kerana merupakan satu cabang ilmiah yang berupaya untuk membantu dalam menjana pembentukan diri insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani khususnya kepada bakal generasi perintis negara.

Oleh itu, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti elemen FPKM menjana minda, rohani, dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima. Selain itu, mengenal pasti elemen FPKM emosi dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima. Seterusnya, menganalisis kerelevanan teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima dengan elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi. Kajian ini berlandaskan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K: Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan serta Teori Kecerdasan Emosi Goleman untuk menilai kandungan teks-teks cerpen dan drama KM. Kedua-dua teori ini dilihat mampu mengukuhkan dapatan kajian. Teori SPB4K ini menggabungkan dan menyepadukan empat sistem pemikiran yang diterjemahkan oleh pengarang dalam hasil karya sastra yang merangkumi kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan dan memandangkan elemen emosi kurang diberi penekanan dalam teori tersebut, suatu lagi teori yang berasingan diambil bagi mengenalpasti elemen emosi iaitu Teori Kecerdasan Emosi.

Sebanyak 10 (sepuluh) buah teks cerpen daripada Antologi Kubentang Sehelai Peta dan dua karya drama dianalisis. Tajuk cerpen yang dikaji ialah cerpen 0000000000 karya Shahnnon Ahmad, Rindu Seorang Rafik karya Nisah Haji Haron,



Res Judicata karya Aidil Khalid, Namun Itulah Hakikat karya Nazel Hashim Mohamad, Air Mata Dalang karya Rahimidin Zahari, Profesor Sufi karya A. Rahmad, Gulai Sembilang untuk Abah karya Fauziah Mohd Ismail, Kami Akan Mati, Lin karya Seroja Theavy Balakrishnan, Perspektif karya NF Abdul Manaf, dan Bukit Emas karya Mufidah Hanum Yusuf. Tajuk drama yang dikaji ialah Anna karya Kemala, dan *Mat Piah dan Mr. Blackway* karya Mahizan Husain.

Kajian ini difokuskan kepada murid-murid Tingkatan Empat dan Lima sahaja. Kajian ini merupakan suatu bentuk penyelidikan kualitatif dan berfokus kepada analisis kandungan teks sastra yang dikaji. Kajian teks ini penting mengenal pasti elemen FPKM serta menganalisis kerelevanan teks moden Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dengan elemen FPKM yang terdapat dalam teks moden Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif untuk melengkapkan dapatan kajian.

1.3 Permasalahan Kajian

Keunggulan suatu sistem pendidikan sememangnya memerlukan kaedah yang sistematik lagi jelas dan disandarkan kepada suatu asas yang kukuh (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2017). Sistem pendidikan negara di Malaysia dibentuk berdasarkan suatu pernyataan falsafah yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari (KPM, 2018). Matlamat KSSM Kesusasteraan Melayu Komunikatif



adalah untuk melahirkan murid yang dapat memiliki ilmu dan pengetahuan tentang kesusasteraan; berkemahiran dalam menghasilkan karya kreatif yang menepati ciri-ciri; berkeperibadian mulia dan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara; serta mampu memahami, menghayati dan menghargai karya sastra.

Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu mengandungi beberapa elemen seperti menjana minda, rohani, dan emosi. Elemen-elemen ini dikatakan dijumpai dalam teks Kesusasteraan Melayu Komunikatif murid-murid Tingkatan Empat dan Lima. Namun demikian, adakah elemen ini terdapat dalam teks-teks kesusasteraan yang murid pelajari dan apa kerelevannya? Oleh itu, kewajaran kajian ini untuk mengenal pasti elemen FPKM, serta menganalisis kerelevan teks moden dengan



elemen FPKM menjana minda, rohani, emosi dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima. Elemen pertama iaitu menjana minda. Elemen ini dilihat penting sebagai asas kepada perkembangan potensi murid-murid bagi melahirkan insan yang berilmu. Ciri-ciri elemen ini ialah sikap berusaha mencari dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan, daya pemikiran logik, kreatif dan inovatif dan usaha memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain dan masyarakat.

Elemen menjana minda dalam pernyataan FPKM juga diperkukuhkan melalui usaha memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain dan masyarakat seperti guru dan pelajar Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), menjelaskan proses pendidikan merupakan penyepaduan antara ilmu pengetahuan, amal, keyakinan dan keikhlasan. Zamri Mahamod (2016) menjelaskan dalam sistem pendidikan di Malaysia murid





memerlukan kemahiran menjana idea untuk memahami isi kandungan dan penyampaian yang cuba disampaikan oleh pengarang melalui teks. Menurutnya lagi, teks yang dipilih dari pelbagai genre perlu memberi peluang kepada murid untuk melalui proses pemikiran aras tinggi. Haslina Ishak (2017), menjelaskan murid mempunyai masalah untuk mengutarakan pendapat, berfikir secara kritikal, berinteraksi sesama mereka dan tidak dapat mengenal pasti perkara yang perlu dibincangkan mereka, analisis dan kaji serta cara-cara untuk menghubungkan kait maklumat tersebut dengan maklumat yang lain. Selain itu, Rafiei B. Hj Mustapha (2017) dalam kajiannya iaitu Kajian Tentang Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah menjelaskan sekolah-sekolah menengah masih belum menampakkan hala tuju yang jelas ke arah pembentukan pemikiran kritis, analitis dan kreatif dalam kalangan murid-murid. Oleh yang demikian, kajian terhadap kandungan cerpen dan drama ini perlu dilaksanakan sebagai satu usaha memantapkan lagi kecemerlangan mata pelajaran KMK dengan meneliti elemen-elemen asas FPKM dalam teks moden mata pelajaran KMK.

Seterusnya, Muhammad Zarif Hassan (2013) dalam kajian tesisnya menyatakan wujudnya isu dalam pemilihan dan kandungan serta kualiti teks pendidikan KMK disebabkan oleh pemilihan teks yang tidak bermutu dan mengandungi pengajaran yang negatif. Hal ini, disokong oleh Mohd Affandi Hassan (2014) dengan menyatakan kandungan karya sastera terpilih tidak terarah kepada pemikiran dan kecerdikan, sebaliknya tertumpu kepada elemen ilmu dan nilai yang mengelirukan. Selain itu, teks yang digunakan dalam pendidikan sastera Melayu membosankan, sukar difahami, penceritaanya tidak menarik dan menanamkan budaya benci akan



Kesusasteraan Melayu (Chew Fong Peng, 2016).

Karya-karya yang dipilih seharusnya memenuhi kriteria atau unsur-unsur yang dapat menarik minat pelajar untuk menghayati sastera dan bukannya gemar membaca. Teks-teks ini seharusnya mampu menarik minat murid serta mengaitkan isu-isu semasa untuk diketahui oleh murid. Menurut Muhammad Zarif Hassan (2013), walaupun kaedah pengajaran di sekolah yang efektif dilaksanakan, permasalahan ini perlu diatasi kerana jika teks yang digunakan bersifat lemah, kecelaruan dalam kalangan murid akan berlaku.

Elemen rohani merupakan satu elemen yang bersifat dalaman yang berhubung kait rapat dengan kerohanian, keperibadian diri atau hakikat insan itu sendiri. Dari sudut ontologinya, hakikat insan merujuk kepada soal hakikat kejadian diri, tujuan kehidupan, kematian dan kehidupan sesudahnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Ciri-ciri elemen rohani ialah menyedari dan menginsafi hakikat penciptanya, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta dan menyedari dan menginsafi tanggungjawab.

Mohd Razimi Husin (2020) telah membincangkan elemen rohani dalam kajiannya bertajuk Gejala Membuli dalam Kalangan Pelajar Sekolah memperincikan mengenai masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Punca menyumbang kepada masalah ini ialah kerana kurangnya pendedahan unsur rohani iaitu kurang didikan agama dalam kalangan pelajar-pelajar yang terlibat. Masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar ini mampu mendatangkan kepincangan terhadap perkembangan masyarakat dalam konteks ekonomi, politik dan sosial di

Malaysia. Hal ini terjadi demikian kerana, pelajar merupakan harapan untuk memajukan negara pada masa hadapan.

Hal ini harus diatasi dengan pendidikan berunsur rohani yang terkandung dalam FPKM yang dimaksudkan ialah remaja harus disedarkan perihal ketuhanan dan rasa insaf akan wujudnya Tuhan. Sofiah Mohamed (2016) menyatakan bahawa elemen kerohanian akan menjadikan manusia berkeyakinan teguh kepada Tuhan dan memberi ketenteraman dalam jiwa dan fikiran.

Hal ini akan menjadikan remaja tersebut mampu berfikir rasional kerana terpandu dengan paksi-paksi agama yang ada dalam diri seterusnya mampu mewujudkan rasa menghargai dan bersyukur dengan pemberian Tuhan. Hal ini penting kerana remaja tersebut akan memupuk dan membina disiplin diri dan membentuk keperibadian yang mulia (Ani Haji Omar, 2015). Oleh itu, kajian ini relevan untuk mengenal pasti elemen FPKM rohani tersebut yang dilihat mempunyai signifikannya tersendiri, dan cara-cara elemen ini diterapkan dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima.

Emosi ialah perasaan jiwa yang kuat seperti gembira, sedih, takut dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Dalam memahami elemen emosi daripada sudut falsafah pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2018, ms.17), mencirikan emosi antara kepada tiga ciri utama iaitu perasaan tenang dan tingkah laku terkawal, memiliki dan membenihkannya naluri kasih sayang sesama insan dan mempunyai semangat kekitaan dan perpaduan. Pertama, melalui perasaan tenang dan tingkah laku yang terkawal. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)



(2018), menegaskan perasaan tenang tingkah laku terkawal ini penting bagi membolehkan seseorang mewujudkan keadaan seimbang dan harmonis untuk mewujudkan sahsiah yang bersepadu.

Generasi cemerlang yang mampu memimpin negara dengan baik memerlukan daya tahan emosi yang kukuh dan emosi yang lemah akan menyebabkan matlamat diri remaja untuk menjadi cemerlang akan gagal akibat mengawal emosi (Ani Haji Omar, 2015). Oleh yang demikian, usaha menghasilkan generasi remaja yang seimbang mengikut acuan FPKM adalah penting untuk melahirkan perasaan tenang dan tingkah laku terkawal, memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang serta memiliki semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan remaja. Pembacaan boleh mempengaruhi minda dan emosi remaja melalui penonjolan watak karya naratif dan diyakini mampu membina peribadi remaja yang unggul dengan minda cemerlang Menurut Salehuddin (2018), elemen pembacaan dapat memberi kesan kepada minda dan emosi para remaja melalui penceritaan dalam karya yang menonjolkan elemen watak dan perwatakan yang mempunyai keperibadian remaja yang unggul dan mempunyai pemikiran yang cemerlang. Lantaran itu, kajian ini relevan untuk mengenal pasti elemen FPKM emosi, dan bagaimana elemen ini diterapkan dalam teks bahan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima khususnya dalam teks cerpen dan drama yang murid mempelajari.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini akan mengetengahkan beberapa objektif seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti elemen FPKM menjana minda, dan rohani dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima.
- 1.4.2 Mengenal pasti elemen FPKM emosi dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima.
- 1.4.3 Menganalisis kerelevanan teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima dengan elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi.

1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Apakah elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi dalam teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima dikenalpasti?
- 1.5.2 Bagaimana elemen FPKM menjana minda, rohani dan emosi dikaitkan dengan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman
- 1.5.3 Bagaimana kerelevanan elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima dianalisis?

1.6 Kerangka Teoritikal

1.6.1 Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K

Teori ialah sistem pemikiran bertujuan untuk menerangkan sesuatu berdasarkan pemikiran umum yang tidak bergantung kepada perkara yang dijelaskan. Sehubungan dengan itu, teori adalah alat penafsiran dan pentafsiran serta membolehkan seseorang memahami sesuatu berdasarkan latar belakang pembelajarannya dan membatasi pemahamannya (Ott & Mack, 2019). Teori SPB4K dibangun oleh Mohd. Yusof Hasan yang juga merupakan pemikir dan cendekiawan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), pada tahun 2002 yang sebelum ini dikenali Teori SPB4L (Luhur, Lahir, Logik, Dan Lateral). Teori ini bertunjangkan Falsafah Integrasi Pemikiran dan digunakan sebagai asas deduksi kajian Elemen Falsafah Kesusasteraan Melayu Komunikatif Dalam Teks Moden Tingkatan Empat dan Lima. Kajian ini menggunakan teori SPB4K dengan mengaplikasikan empat pemikiran iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan sebagai asas deduksi kajian seperti dalam rajah berikut:



Rajah 1.1. Kerangka Teoritikal Teori Pemikiran Bersepadu SPB4K

1.6.2 Pemikiran Kerohanian

Pemikiran kerohanian yang diutarakan Mohd Yusof Hasan (2007) bermaksud pemikiran yang bersifat murni, suci, luhur dan tulen serta martabatnya diangkat tinggi. Semua manusia yang mempercayai wujudnya pencipta akan mengandungi sifa-sifat kerohanian dalam dirinya. Pembawaan konsep ini menekankan bahawa satu-satunya tuhan adalah Allah S.W.T., berpandukan hadis dan Al-Quran dan biasanya berkaitan dengan unsur agama, perpaduan dan kesatuan.

Pemikiran kerohanian merujuk kepada kepercayaan, kesatuan dan kesahihan Tuhan yang berkaitan dengan pemikiran agama. Di samping itu, unsur-unsur ghaib juga dikaitkan dengan pemikiran kerohanian. Pemikiran kerohanian adalah pemikiran yang sangat murni, mulia dan bermaruah. Manusia yang mempunyai pemikiran kerohanian mesti mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai agama yang dipercayai.

1.6.3 Pemikiran Kebitaraan

Pemikiran Kebitaraan bermaksud kemampuan otak manusia untuk berfikir dan membuahkan pendapat atau tindakan selanjutnya. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007), pemikiran kebitaraan dikaitkan dengan bidang ilmu pengetahuan seseorang manusia hasil kecerdasan minda dan akalanya berfikir. Definisi "bitara" berasal dari kata "akar bitara" yang membawa erti cemerlang, pandai, bestari, mulia dan luar biasa.

1.6.4 Pemikiran Kesaintifikan

Pemikiran Kesaintifikan ialah pemikiran berasaskan ilmu-ilmu sains kerana otak berfikir dari sudut-sudut saintifik. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007), seseorang manusia perlu mempunyai pemikiran rasional, logik (mantiq), tepat, berdasarkan fakta dan angka. Proses ini merupakan suatu pemikiran yang tersusun dan bersistematik kerana proses pemikirannya tersusun dan terarah berpandukan terma-



terma sains dan teknologi. Hujahan seseorang manusia perlu mempunyai objektif yang terarah dan bukti yang kukuh agar proses penyampaian tersebut dipercayai. Menurut Hulon Willis (1975), pemikiran kesaintifikan tertumpu kepada sains penaakulan. Hal ini sering dikaitkan dengan pemikiran kesaintifikan kerana manusia berfikir berasaskan logik seperti mana yang terkandung dalam Teori SPB4K. Pemikiran kesaintifikan menggunakan otak kiri yang lebih terarah kepada bidang dan ilmu-ilmu sains yang digelar sebagai hoki oleh Mohd Yusof Hasan (2007).

1.6.5 Pemikiran Kekreatifan


Pemikiran Kekreatifan bermaksud pemikiran yang terancang dan bersistematik berpandukan kaedah-kaedah saintifik (Mohd Yusof Hasan, 2007). Pemikiran Kekreatifan menggunakan otak kanan (Hoka) yang lebih terarah kepada bidang seni, sastera, bahasa, dan pendidikan (Mohd Yusof Hasan, 2007). Pemikiran kekreatifan bersifat produktif kerana kepelbagaian idea yang tercetus dapat memudahkan usaha pencarian maklumat tentang sesuatu fakta. Selain itu, pemikiran kekreatifan tidak menolak sebarang idea walaupun ianya betul ataupun salah. Hal ini kerana setiap idea yang tercetus boleh diperbagaikan dan masih boleh diperbaiki melalui pemikiran kekreatifan.



1.6.6 Teori Kecerdasan Emosi Goleman

Daniel Goleman (2012) menjelaskan kecerdasan emosi melalui bukunya “*Emotional Intelligence*” yang diterbitkan pada tahun 1995 sebagai ‘*competencies, which may be developed through training*’ dan kemampuan yang dimiliki oleh seseorang individu yang terbahagi kepada lima komponen iaitu Kesedaran Kendiri (Memahami Emosi Diri Sendiri), Regulasi Kendiri (Pengurusan Emosi Sendiri), Motivasi Kendiri (Memotivasikan Diri), Empati (Mengenal Pasti dan Memahami Emosi Orang Lain) dan Kemahiran Sosial (Cara menguruskan sesuatu hubungan). Dalam kajian ini, kecerdasan emosi akan merujuk kepada cara watak dan perwatakan dalam teks cerpen dan drama dalam mengurus emosi mereka berpandukan liku-liku cabaran hidup yang mereka hadapi yang diterangkan melalui rajah berikut





Rajah 1.2. Kerangka Teoritik Teori Kecerdasan Emosi Goleman 1999(Goleman,2012)

1.6.7 Kesedaran Kendiri

Kesedaran Kendiri bermaksud kemampuan seseorang manusia mengenal emosi ketika unsur emosi menyelubungi dirinya dan menyesuaikan diri mengikut keadaan setempat. Hasilnya, sesuatu keputusan dapat diambil dengan rasional dan tidak terburu-buru kerana mereka mempunyai keupayaan mengenal diri sendiri dan mempunyai keyakinan yang jitu dalam diri. Kesedaran sendiri membolehkan seseorang manusia mengenal pasti akan kekuatan dan kelemahan diri mereka. Hal



ini ditekankan oleh Goleman (2012) yang menjelaskan bahawa kesedaran sendiri membantu seseorang untuk mengambil pertimbangan yang wajar.

1.6.8 Regulasi Kendiri

Regulasi Kendiri bermaksud kemampuan seseorang manusia dalam mengawal dirinya apabila unsur-unsur emosi yang tidak baik seperti marah, sedih, sombong, curiga dan ego menyelubungi diri mereka. Goleman (2012) menjelaskan kemampuan mengurus emosi iaitu *a sense of self mastery* iaitu pengawalan sendiri. Hal ini membantu seseorang daripada tidak murung atau mengalami stress dalam diri yang seterusnya membantu mereka mengambil tindakan yang wajar dalam membuat



sesuatu keputusan. Pengurusan emosi diri yang betul boleh menghindarkan diri seseorang ke arah perkara- perkara yang negatif dan mengakibatkan kerugian pada diri mereka sendiri. Terdapat lima sub komponen yang boleh dipecahkan dalam regulasi sendiri iaitu mengurus diri, mengamalkan sikap boleh dipercayai, selalu berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu tugas atau kerja, berinovasi dan berupaya mengadaptasi diri mengikut kesesuaian tempat.

1.6.9 Motivasi Kendiri

Menurut Goleman (2012), motivasi sendiri bermaksud dorongan- dorongan (push factor) atau faktor-faktor yang menggerakkan seseorang manusia untuk lebih berasa yakin dan maju dalam kerjaya yang sedang dilakukan serta mencapai cita-cita dan



impian walaupun sering kali menghadapi kegagalan. Kemampuan motivasi sendiri ini akan menyebabkan seseorang manusia memandang semua perkara yang menimpa dirinya dari sudut positif. Hal ini diikuti dengan sikap tabah yang sangat tinggi dalam diri seseorang.

1.6.10 Empati

Menurut Goleman (2012), empati bermaksud keupayaan untuk mengenal emosi orang lain berasaskan kesedaran diri. Dalam hal ini, Goleman (2012) menjelaskan jika seseorang berupaya mengenal emosi diri sendiri maka individu tersebut mampu untuk mengenal emosi orang lain. Kebolehan untuk mendalami perasaan dan boleh melihat masalah dari sudut pandang orang lain dikatakan definisi menyeluruh empati. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2014), seseorang individu harus mengenal emosi diri sendiri dan hal ini akan membantu mereka mengenal emosi orang lain dengan mudah. Walaupun emosi seseorang manusia tidak dapat dilihat secara langsung, tetapi melalui gaya bahasa, vokal, gambaran ekspresi wajah dan pergerakan tangan seseorang individu, emosi dapat dinilai.

1.6.11 Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial adalah kemahiran seseorang manusia dalam membina perhubungan dengan insan yang lain dengan perilaku mengawal dan mengurus emosi. Goleman (2012) menjelaskan kemahiran sosial ialah seni dalam menjalin



sesuatu perhubungan. Unsur kesedaran sendiri dan empati membentuk kemahiran sosial seseorang individu.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini mengenal pasti elemen-elemen asas yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam teks moden Kesusasteraan Melayu Tingkatan Empat dan Lima serta kerelevannya sebagai asas deduksi. Secara amnya, terdapat enam elemen asas dalam FPKM iaitu elemen menjana minda, rohani, emosi, jati diri, kebudayaan kebangsaan dan insan bestari. Kajian akan memerlukan penjelasan yang luas jika kesemua elemen FPKM tersebut dikaji, oleh itu kajian ini hanya akan dibataskan kepada tiga elemen asas sahaja iaitu menjana minda, rohani dan emosi. Signifikannya ialah tiga elemen ini merupakan elemen asas penting dan nadi yang terkandung dalam FPKM dan memadai untuk kajian ini. Tiga lagi elemen asas yang lain tidak diberikan fokus kerana boleh diusahakan melalui suatu penyelidikan yang lebih terperinci lagi.

Falsafah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010, ms.154) bererti pengetahuan tentang ilmu yang tertinggi dan Falsafah Pendidikan dianggap sebagai satu asas kepada aktiviti pendidikan yang mencerminkan pemikiran sesebuah negara. Dalam konteks perbincangan, terdapat beberapa teras dalam FPKM iaitu elemen-elemen seperti kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan pengurusan (Muhammad Zarif Hassan, 2013). Bagi memenuhi objektif kajian, kajian akan hanya dibataskan kepada elemen kurikulum iaitu soalan mata pelajaran sahaja dan elemen-



elemen teras yang lain seperti pengajaran dan pembelajaran serta penilaian dan pengurusan tidak sama sekali akan disentuh kerana memerlukan ruang yang lebih luas untuk dibahaskan secara terperinci.

Selain itu, kajian difokuskan kepada pelajar Tingkatan Empat dan Lima sahaja. Kajian ini merupakan suatu bentuk penyelidikan kualitatif dan berfokus kepada soal kandungan teks sastra yang dikaji. Kajian teks ini penting bagi mengenal pasti elemen FPKM, serta menganalisis kerelevanan teks moden dengan elemen Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu yang terdapat dalam teks moden Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif untuk melengkapkan dapatan kajian. Terdapat pelbagai genre teks moden yang digunakan dalam mata pelajaran KMK, kajian ini hanya akan membataskan penyelidikan hanya kepada genre cerpen dan drama sahaja. Sepuluh buah cerpen dan dua buah drama yang merupakan teks wajib mata pelajaran KMK digunakan sebagai asas deduksi penyelidikan ini.

Seterusnya, kajian ini berlandaskan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K: Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan serta Teori Kecerdasan Emosi Goleman untuk menganalisis kandungan teks- teks cerpen dan drama KM. Kedua-dua teori ini dilihat mampu mengukuhkan dapatan kajian. Teori SPB4K ini menggabungkan dan menyepadukan empat sistem pemikiran yang diterjemahkan oleh pengarang dalam hasil karya sastra yang merangkumi kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Keempat-empat pemikiran ini digunakan dalam kajian ini. Pemikiran teori tersebut dapat digunakan kerana sesuai dan ada persamaan untuk memenuhi objektif kajian iaitu bagi mengenal pasti elemen FPKM, serta menganalisis kerelevanan teks moden dengan elemen FPKM menjana minda dan

rohani yang terdapat dalam FPKM dan memandangkan elemen emosi kurang diberi penekanan dalam teori tersebut, suatu lagi teori yang berasingan diambil bagi mengenal pasti elemen emosi.

Teori yang digunakan ialah Teori Kecerdasan Emosi oleh Goleman. Goleman (2012) menyarankan lima faktor atribusi terhadap kecerdasan emosi dan digunakan dalam kajian ini iaitu Kesedaran Kendiri (*self-awareness*), Pengawalan Kendiri (*self-regulation*), Motivasi Kendiri (*self-motivation*), Empati dan Kemahiran Sosial (*social skills*). Pembatasan kajian ini juga hanya difokuskan kepada elemen watak dan perwatakan dan wajar kerana berhubung rapat dengan soal keperibadian murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

1.8 Kepentingan Kajian

Penyelidikan memberi faedah kepada masyarakat untuk digunakan pada masa akan datang. Hal ini kerana penyelidikan yang dijalankan terhadap sesuatu isu akan mendedahkan kelompongan yang perlu diisi dalam kajian pada masa hadapan. Kajian ini memberikan kepentingan kepada beberapa pihak:

1.8.1 Penyelidikan Ilmiah khusus Kesusasteraan Melayu

Kesusasteraan Melayu merupakan salah satu mata pelajaran elektif atau pilihan di peringkat menengah dan mata pelajaran pilihan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran



Malaysia. Hal ini menyebabkan nilai mata pelajaran ini pada pandangan banyak penyelidik masih kurang mendapat perhatian. Mata pelajaran ini tidak dianggap berdaya saing dan tidak mempunyai nilai komersial yang tinggi. Status demikian memberi andaian kepada umum bahawa mata pelajaran KMK tidak dianggap penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan cemerlang. Oleh itu, kajian ini bakal mengisi kelompongan yang terdapat dalam penyelidikan ilmiah berkaitan mata pelajaran KMK di samping dapat memberi gambaran sebenar mengenai kandungan bahan mata pelajaran teks moden Kesusasteraan Melayu Tingkatan Empat dan Lima sama ada menepati elemen Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Pemilihan teks yang representatif akan membenihkan manfaat yang diharapkan (Siti Khariah Mohd Zubir, 2016).



1.8.2 Guru dan bakal pendidik KMK

Selain itu, usaha untuk memberikan penafsiran kepada elemen-elemen FPKM kurang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum BPK. Penzahiran pernyataan FPKM dalam kurikulum KMK merupakan suatu usaha baharu dan signifikan (Muhammad Zarif Hassan, 2013). Maka kajian ini dapat mengenal pasti elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima. Hal ini penting kepada guru serta bakal pendidik KMK sebagai asas kefahaman dalam merangka pengajaran dan pemudahcaraan serta menentukan hala tuju mata pelajaran KMK. Dapatan kajian akan memudahkan guru KMK untuk meneliti kandungan teks moden yang sesuai diajarkan kepada murid. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang





lebih menarik, kreatif dan efektif untuk menarik minat dan motivasi murid-murid dalam pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dapat digunakan oleh guru.

1.8.3 Penggubal Dasar Pendidikan

Dapatan kajian ini juga dapat memberi panduan dan salah satu sumber agar teks moden seperti cerpen dan drama dapat dikategorikan dan dianalisis mengikut pecahan elemen FPKM iaitu, menjana minda, rohani, emosi dan intelektual. Sehubungan dengan itu, kajian ini dapat memberi petunjuk kepada panel penggubal sukatan pelajaran dan panel penggubal kerja kursus Kesusasteraan Melayu dari Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempertingkatkan bahan kandungan agar lebih menepati elemen FPKM yang dirangka pada masa hadapan.

1.8.4 Penerbit dan Penulis

Pihak yang terlibat seperti pengarang dan penerbit cerpen, drama akan mendapat manfaat untuk meneliti isi kandungan cerpen dan drama yang bersesuaian dengan sukatan pelajaran KMK serta memenuhi matlamat dan elemen-elemen asas FPKM. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu golongan penerbit dan penulis menghasilkan karya yang berkualiti dan bermutu selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam usaha melahirkan murid- murid yang seimbang dari elemen JERI.



1.9 Definisi Operasional

Kajian ini akan mengetengahkan beberapa istilah yang perlu difahami dan diberi penekanan. Ini akan memudahkan kajian ke atas pernyataan masalah berdasarkan tajuk yang menjadi pilihan kajian. Definisi operasional sangat penting untuk memberi pemahaman yang mendalam terhadap kajian yang dijalankan. Definisi operasional bagi elemen yang penting untuk kajian ini adalah seperti berikut:

1.9.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Menurut Muhammad Zarif Hassan (2013) Falsafah Pendidikan Kebangsaan membawa pengertian pernyataan falsafah yang dibentuk sebagai asas dan dasar kepada pembentukan seluruh kurikulum kebangsaan di Malaysia. FPK merujuk kepada “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Hal ini penting untuk mewujudkan warganegara Malaysia yang mempunyai ilmu pengetahuan, berbakat, berkeperibadian mulia, sikap bertanggungjawab dan berupaya mencapai kecemerlangan diri serta menjadi penyumbang kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, (2017) FPK merujuk kepada dasar yang di rumus secara komprehensif dan holistik. Dengan wujudnya FPK, sistem pendidikan negara telah berganjak ke arah yang lebih sistematik dengan pengungkapan secara jelas soal prinsip dan nilai asas pendidikan negara, bermula dari peringkat paling rendah menuju ke peringkat tertinggi iaitu universiti. Sistem pendidikan negara di Malaysia dibentuk berdasarkan suatu pernyataan falsafah yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti berikut

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Berdasarkan pandangan dua sarjana tersebut dapat dirumuskan definisi operasional bagi Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah suatu dasar rujukan yang dirancang untuk memajukan serta mewujudkan kualiti pendidikan yang kukuh di negara kita Malaysia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan lahir melalui suatu proses yang agak panjang iaitu satu proses pembinaan negara dan bangsa semenjak merdeka lagi. Idea penggubalan FPK telah dicetus selepas penerbitan laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979. FPK yang dahulunya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah digubal berlandaskan tiga ideologi iaitu, Rukun Dasar Ekonomi Baru (RMK 3, 1976-1980) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (1999).

Pakar-pakar pendidikan negara meneliti kehendak individu, masyarakat dan negara dengan menggubal FPK. (KPM, 2018). Elemen ini penting bagi melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan dan insan yang seimbang dari segi elemen JERI.

1.9.2 Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM)

Menurut Muhammad Zarif Hassan (2013) Falsafah Pendidikan Kebangsaan membawa pengertian pernyataan Falsafah yang dirangka khas bagi mata pelajaran KMK oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum BPK (2018) Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu merupakan titik panduan untuk pembentukan kurikulum KMK. FPKM merujuk kepada “Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Muhammad Zarif Hassan (2013), menjelaskan FPKM merujuk kepada pernyataan Falsafah yang dibentuk untuk meningkatkan kualiti mata pelajaran KMK. Melalui FPKM, pelajar yang mengambil mata pelajaran KMK akan mempunyai ilmu sastera agar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan sastera Melayu dalam bidang pendidikan dan kerjaya ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat.



Berdasarkan pandangan sarjana-sarjana tersebut mengenai FPKM dapat dirumuskan definisi operasional FPKM dalam kajian ini merujuk kepada suatu panduan khusus yang dirancang untuk mata pelajaran KMK agar semua isu mengenai KMK dapat diselesaikan dengan merujuk FPKM. Dalam kajian ini, FPKM bermaksud “Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

1.9.3 Kesusasteraan Melayu Komunikatif



Azhar Hj.Wahid (2018) menjelaskan bahawa Kesusasteraan Melayu Komunikatif merujuk kepada mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang menjadi pilihan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Pendidikan Kesusasteraan Melayu mempunyai objektif memupuk apresiasi terhadap karya sastra dan penulisnya serta memperkukuhkan peningkatan keterampilan bahasa dan bersastra. Signifikannya, murid- murid dapat menanam nilai-nilai murni dalam diri melalui elemen- elemen yang terdapat dalam sastra seperti kebudayaan, agama, moral, keindahan, kemanusiaan dan bahasa. Hasil pembacaan genre teks kreatif merangsang pemikiran kritis, mengembang sifat-sifat keperibadian yang diingini dan seterusnya membentuk karakter pelajar yang matang dan rasional dalam pemikiran.



Cynthia Layah Geraman (2019) menjelaskan Pendidikan Kesusasteraan Melayu merupakan bidang tugas amali yang kompleks dan multi-disiplin sifatnya. Penghayatan kesusasteraan penting kerana karya sastra boleh dijadikan alat untuk membangunkan diri manusia seperti pembangunan daya intelek, perasaan peka terhadap masyarakat dan rasa keagamaan. Sehubungan dengan itu, definisi operasional bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif dalam kajian ini dapat disimpulkan Kesusasteraan Melayu Komunikatif merupakan sebuah mata pelajaran yang dirancang khusus bagi melahirkan murid-murid yang dapat menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari agar lebih produktif untuk masa depan negara. Pendedahan pelbagai elemen yang terdapat dalam karya sastra melalui mata pelajaran KMK secara meluas dapat menyedarkan murid-murid bahawa sastra adalah sebahagian daripada diri mereka sendiri.

1.9.4 Cerpen

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum BPK 2018, cerpen bermaksud cerita rekaan yang terdiri dari beberapa unsur. Elemen ini merupakan sebuah karangan pendek yang berbentuk prosa. Cerpen mengandungi unsur-unsur intrinsik iaitu tema, plot, perwatakan, latar, sudut pandang dan nilai murni serta pengajaran. Dalam mata pelajaran KMK karya cerpen yang dimaksudkan ialah karya asal yang berunsurkan kehalusan dan keindahan bagi mengimbangi perkembangan minda, rohani serta emosi di samping memaparkan nilai kemanusiaan melalui citra masyarakat dalam karya tersebut.

Hidayati (2015) menjelaskan cerita pendek sering disingkat menjadi cerpen adalah cerita rekaan yang pendek, berbentuk prosa berkesan fiksi. Menurut Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, (KEMENDIKBUD) (2016), menjelaskan bahawa tema dalam sebuah karya sastra khususnya cerpen harus dihindari akan topik-topik yang mengandungi kekerasan, kekasaran, pornografi, dan yang mengundang konflik.

Oleh itu, dapat dirumuskan definisi operasional cerpen dalam kajian yang akan dijalankan ialah cerpen merupakan cerita berbentuk tulisan pendek dan merupakan genre dalam Kesusasteraan Melayu yang termasuk dalam kategori cereka, serta merupakan bidang yang popular. Cerpen ialah cerita berdasarkan fakta di campur dengan imaginasi. Elemen ini ialah satu gabungan yang tidak seimbang antara pengalaman (realiti/benar berlaku) dengan rekaan (imaginasi) pengarang.

Panjangnya cerpen ialah antara 1000 (seribu) hingga 10,000 (sepuluh ribu) patah perkataan ataupun 10 (sepuluh) halaman. Oleh sebab makna dari segi istilah cerpen itu ialah cerita pendek maka ia hanya mengandungi pengisahan yang berfokuskan kepada satu konflik sahaja (permasalahan tunggal). Tajuk cerpen yang dikaji ialah cerpen 0000000000 karya Shahnnon Ahmad, Rindu Seorang Rafik karya Nisah Haji Haron, Res Judicata karya Aidil Khalid, Namun Itulah Hakikat karya Nazel Hashim Mohamad, Air Mata Dalang karya Rahimidin Zahari, Profesor Sufi karya A. Rahmad, Gulai Sembilang untuk Abah karya Fauziah Mohd Ismail, Kami Akan Mati, Lin karya Seroja Theavy Balakrishnan, Perspektif karya NF Abdul Manaf, dan Bukit Emas karya Mufidah Hanum Yusuf. Tajuk drama yang dikaji ialah Anna karya Kemala, dan Mat Piah dan *Mr. Blackway* karya Mahizan Husain dikaji berpandukan dua teori iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K) dan Teori

Kecerdasan Emosi Goleman.

1.9.5 Drama

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), drama ditakrifkan sebagai situasi atau urutan peristiwa penuh emosi, tragik atau bergelora. Maksud drama ialah cerita dalam bentuk prosa dan biasanya panjang dan kompleks. Elemen ini juga berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Drama merupakan karya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio, televisyen atau sandiwara. Menurut kajian Ayuni Mohamad Bakari (2019), drama juga membawa maksud sebagai gambaran kehidupan manusia yang dicipta oleh pengarang melalui daya imaginasi, fantasi dan juga pengalaman hidupnya dalam proses sosialisasi dengan masyarakat (Mana Sikana, 2017).

Subramaniam Krishnan (2015) menjelaskan drama ialah sebuah karya sastra, berbentuk lakonan watak-watak di dalamnya, serta merupakan suatu persembahan yang mengutamakan elemen aksi, dialog dan tarikan emosi yang sangat mementingkan seni pengucapan, persembahan serta seni tontonan bagi tujuan menghibur. Menurut Eva Latifah, (2016) drama adalah karya sastra yang teksnya tampil dari percakapan atau dialog para tokohnya. Drama kloset merujuk kepada drama yang dibuat hanya untuk dibaca dan bukan untuk dilakonkan.



Di Malaysia, pertumbuhan drama moden sebagai hasil kesusasteraan dikatakan agak lambat berlaku. Drama realisme mendapat sambutan yang menggalakkan disebabkan bentuknya yang rapat dengan realiti kehidupan masyarakat yang direpresentasinya Kementerian Pendidikan Malaysia, (2018). Nurul Marliana Baderol (2019) pula menjelaskan drama merupakan cerminan budaya masyarakat yang menghasilkannya. Idea yang berkembang daripada isu dan persoalan saling berkaitan disebut sebagai skrip. Purwati Anggraini (2020) menjelaskan ciri- ciri drama ialah sesebuah drama berbentuk dialog, dialog tidak menggunakan tanda petik (“...”) dan naskah drama terletak di atas dialog atau di samping kiri dialog. Dalam konteks perbincangan, drama yang digunakan sebagai teks kajian ialah drama Anna karya Kemala, dan Mat Piah dan Mr. Blackway karya Mahizan Husain.



Berdasarkan definisi operasional yang dikemukakan oleh pelbagai sarjana,

definisi operasional drama dalam kajian yang akan dijalankan ini ialah dapat disimpulkan sebagai cerita yang menggunakan dialog- dialog yang akan dipertontonkan atau telah dipertontonkan oleh pemain (aktor) kepada penonton. Jelasnya, drama ialah satu bentuk seni pertunjukan dan pembinaan karya melalui dialog dengan pergerakan dan aksi watak- wataknya yang berperanan sebagai media untuk menyampaikan mesejnya tersendiri melalui lakonan berdasarkan skrip gubahan penerbit drama.





1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, bahagian ini merangkumi beberapa elemen utama yang dapat dijadikan asas kepada kajian ini. Secara asasnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima. Selain itu, mengenal pasti elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi dalam teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima. Seterusnya, mengenal pasti serta menganalisis kerelevanan teks moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima dengan elemen FPKM menjana minda, rohani, dan emosi. Dalam usaha merealisasikan objektif kajian tersebut perbincangan yang terperinci telah dibentang dalam bab ini merangkumi pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta definisi operasional kajian.

